



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

1. **JAWATAN** : i. **PERANCANG BAHASA GRED S41**
ii. **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29**
iii. **SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29**
iv. **PENOLONG PERANCANG BAHASA GRED S29**
v. **JURUFOTOGRAFI GRED B19**
vi. **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**
vii. **PEMBANTU PEMASARAN**

Taraf Perkhidmatan : i hingga vi - Tetap
vii - Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan : i - Pengurusan dan Profesional
ii hingga vii - Pelaksana

Penempatan : Ibu Pejabat DBP

2. CARA MEMOHON

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan DBP (Borang PSM:12/2014 (Pindaan Pent. 27/99). Borang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang DBP di <http://www.dbp.gov.my>.
- 2.2 Tarikh tutup permohonan pada **4 September 2017**.
- 2.3 Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

(u.p.: Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

3. KETERANGAN AM

Pemohon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri peperiksaan praperkhidmatan (bagi jawatan i) dan temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **TIDAK BERJAYA**.

1. PERANCANG BAHASA GRED S41 (*Ibu Pejabat DBP*)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM2,078.00 - RM9,544.00

1.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (b) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Perancang Bahasa dan telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Perancang Bahasa Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1.1 di atas;
- (b) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Had umur pelantikan
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29 (*Ibu Pejabat DBP*)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,549.00 - RM5,684.00

2.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (b) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (c) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (e) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.2 PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer dan telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 2.1 di atas; dan
- (b) Had umur pelantikan
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29 (*Ibu Pejabat DBP*)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,493.00 - RM5,672.00

3.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (b) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. PENOLONG PERANCANG BAHASA GRED S29 (*Ibu Pejabat DBP*)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,493.00 - RM5,672.00

4.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (c) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. JURUFOTOGRAFI GRED B19 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,360.00 - RM4,032.00

5.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (e) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 (Ibu Pejabat DBP)

Jadual Gaji Minimum - Maksimum : RM1,353.00 - RM4,005.00

6.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (f) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. PEMBANTU PEMASARAN (*Ibu Pejabat DBP*)

Kadar Upah Sebulan: RM1,542.99

7.1 SYARAT LANTIKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.